

INISIATIF *FOCUS GROUP ON BUSINESS PROCESS REENGINEERING* (FGBPR)

LATAR BELAKANG

Kerajaan Malaysia melalui Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) telah menubuhkan *Focus Group on Business Process Reengineering* (FGBPR) pada tahun 2012. FGBPR ini dianggotai oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Malaysia Productivity Corporation (MPC), Small Medium Enterprise Corporation (SME Corp.), Malaysian Investment Development Authority (MIDA), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan pihak swasta. Penubuhan FGBPR ini adalah bertujuan untuk menambahbaik persekitaran perniagaan negara supaya menggalakkan pertumbuhan perusahaan, kekayaan dan peluang pekerjaan.

PERANAN

Peranan FGBPR adalah seperti berikut:

1. Menentukan halatuju pelaksanaan inisiatif Semakan Semula dan Pemodenan Lesen dan Permit Perniagaan;
2. Meluluskan perancangan, strategi dan pelan pelaksanaan projek;
3. Memantau status pelaksanaan projek secara menyeluruh;
4. Memantau dan menyelesaikan isu-isu yang timbul berkaitan dengan pelaksanaan projek; dan
5. Membantu pelaksanaan penambahbaikan terhadap aspek perundangan, dasar, prosedur, dan peraturan bagi memastikan kejayaan pelaksanaan projek.

PELAKSANAAN

Menerusi penubuhan FGBPR ini, satu repositori komprehensif berkaitan semua lesen dan permit perniagaan perniagaan di Malaysia dapat diwujudkan. Repositori ini mengandungi maklumat tentang asas undang-undang, prosedur-prosedur, hasil, bayaran-bayaran dan kos untuk setiap lesen dan permit perniagaan.

Salah satu keutamaan projek FGBPR ialah menjalankan semakan lesen dan permit perniagaan yang sedia ada. Projek ini memberi fokus dan tumpuan pada lesen dan permit perniagaan yang memerlukan kebenaran dan keizinan untuk memulakan sesuatu operasi. Ini termasuklah semua lesen, permit, pemeriksaan, pendaftaran pada aktiviti-aktiviti perniagaan oleh mana-mana penguasa peraturan di peringkat pusat dan negeri.

Dalam perkara ini, MAMPU, JPM bertanggungjawab dalam melaksanakan BPR bagi lesen dan permit perniagaan di Agensi Persekutuan, manakala pihak MPC terlibat dalam melaksanakan *Business Process Reengineering* (BPR) bagi lesen dan permit perniagaan Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

2011-2012	2012-2014	2015-2017
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kajian awalan Pihak Berkuasa Melesen (PBM) Agensi Persekutuan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pemansuhan lesen dan permit perniagaan ▪ Lab BPR PBM Agensi Persekutuan ▪ Pembangunan <i>Business Licensing Electronic Support System</i> (BLESS) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pemantauan dan penilaian ▪ Pembangunan BLESS ▪ Kajian kes amalan baik ▪ Perkongsian amalan terbaik ▪ Pelaksanaan Amalan Baik Peraturan (<i>Good Regulatory Practice</i>)

Jadual 1: Aktiviti utama FGBPR bagi tahun 2011 sehingga 2017.

SEBELUM DIKOMPOSIT	SELEPAS DIKOMPOSIT	TELAH MELALUI PROSES BPR	BELUM MELALUI PROSES BPR
799	526	510	16

Jadual 2: Statistik Lesen dan Permit Perniagaan Perniagaan Agensi Persekutuan sehingga Disember 2017.

BILANGAN	STATUS
159	Telah diautomasi ke dalam sistem BLESS
231	Cadangan integrasi lesen dan permit perniagaan perniagaan persekutuan ke dalam sistem BLESS
120	Lesen masih dalam tindakan untuk integrasi ke dalam sistem BLESS atas pelbagai faktor

Jadual 3: Perincian 510 lesen dan permit perniagaan Persekutuan yang telah melalui proses BPR.

CABARAN PELAKSANAAN

Antara cabaran yang telah dikenalpasti semasa melaksanakan semakan lesen dan permit perniagaan Agensi Persekutuan adalah seperti berikut:

1. Tempoh memproses kelulusan yang kurang kompetitif;
2. Tempoh sah laku kelulusan yang terhad;
3. Keperluan dokumen sokongan yang banyak;
4. Keperluan mendapat perakuan agensi lain sebelum kelulusan; dan
5. Caj/ fi/ bayaran yang membebankan kumpulan sasaran tertentu:
 - a) Keperluan mengisi borang permohonan;

- b) Peratusan yang tinggi terikat dengan perundangan; dan
- c) Kemudahan *online* yang belum meluas.

CADANGAN TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN

Berdasarkan penemuan dan cabaran yang dikenalpasti, pihak MAMPU dengan kerjasama ICU (BLESS) dan MPC akan mengambil tindakan susulan seperti berikut:

1. Mengadakan perbincangan semasa sesi turun padang untuk mendapatkan maklum balas daripada agensi persekutuan yang berkaitan;
2. Memberi khidmat rundingan dan bimbingan berkaitan BPR melalui program *outreach*, klinik konsultasi dan lawatan pemantauan; dan
3. Mengenalpasti lesen dan permit perniagaan agensi persekutuan yang terlibat dengan pindaan perundangan yang memerlukan *Regulatory Impact Analysis* (RIA).

PAUTAN

<http://www.mampu.gov.my/ms/agensi-kerajaan/khidmat-rundingan-pelaksanaan-business-process-reengineering-bpr-di-agensi-sektor-awam>